

APLIKASI FONEM (أل) DALAM PROSES PENGAJARAN
TERJEMAHAN MELAYU ARAB : SATU ANALISIS KONTRASTIF

Oleh : Dr. Mohd Rosdi bin Ismail

1. PENDAHULUAN

Fonem (أل) adalah antara unit bahasa terkecil yang boleh mempengaruhi makna dalam konteks ayat bahasa Arab. Ia adalah fonem tambahan di awal sesuatu Kata Nama (الاسم) atau Kata Dasar (المصدر) atau Kata Sifat (الصفة) atau Kata Nama Khas (العلم). Pada asasnya, fungsi nahuan fonem ini menyamai artikel “The” dalam bahasa Inggeris ketika di tambah pada sesuatu perkataan dari salah satu golongan kata di atas. Sebaliknya, jika perkataan tersebut ditulis tanpa (أل), ketiadaan fonem tersebut pula menyamai fungsi artikel “a” dalam bahasa Inggeris. Perhatikan kehadiran fonem tersebut dan fungsi nahuannya dalam petikan-petikan di bawah:-

Petikan 1 – Bahasa Inggeris

*KUALA LUMPUR, August 2, 2005 (IslamOnline.net) – A leading Malaysian civil society group has welcomed **the Islam Hadhari project** championed by Prime Minister Abdullah Badawi, backing its implementation.*¹

Petikan 2 – Bahasa Arab

2005-8-2 / . - -
"JIM"

¹ - Hossam Tamam, JIM Welcomes Islam Hadhari, Urges Debat, Kuala Lumpur, August 2, 2005, www.islamonline.net

Dalam dua petikan tersebut, dalam versi bahasa Inggeris, kita dapati frasa “Islam Hadhari project” telah didahului dengan artikel “The” yang membawa fungsi nahuan yang sama dengan fonem (أل) pada frasa (مشروع الإسلام الحضاري) dalam versi bahasa Arabnya. Dalam kedua-dua versi ayat tersebut, fonem (أل) dan artikel “The” berfungsi untuk menunjukkan makna status “definit” atau (العهدية) untuk kedua-dua kata nama yang menerima kehadiran dua unit bahasa tersebut. Iaitu menunjukkan bahawa kedua-dua kata nama tersebut merujuk kepada suatu “konsep” atau “benda” yang telah di ketahui oleh penulis dan juga pembaca. Perbincangan tentang fungsi nahuan untuk fonem (أل) ini akan di panjangkan dalam ceraiian tiga selepas ini. Merujuk kepada bahasa Melayu pula, kedudukan fonem (أل) dalam konteks tersebut menyamai fungsi nahuan Kata Ganti Nama Tunjuk “*Ini*” atau “*Itu*” atau “*tersebut*” seperti yang dapat dilihat pada perkataan (المشروع) berikutnya dalam petikan versi bahasa Arab tersebut.

Seterusnya jika kita perhatikan rangkap (حوار واسع) yang terdapat dalam petikan bahasa Arab, kita dapati ia adalah frasa keterangan yang dibentuk daripada gabungan kata nama dan kata sifat. Kedua-dua lafaz tersebut diujar tanpa penambahan fonem (أل) di awalnya. Dalam keadaan ini, “penghilangan” fonem (أل) daripada kedua-dua lafaz tersebut bermaksud merujuk kepada sesuatu benda yang baru dan belum diketahui oleh pembaca. Fungsi nahuan ini dikenali sebagai “indefinit”. Dalam bahasa Melayu, fungsi nahuan ini sering diungkap menggunakan penjodoh bilangan “*sebuah*” atau “*suatu*”. Sekarang

² - Ibid

perhatikan bentuk kehadiran fungsi nahuan “definit” dan “indefinit” tersebut dalam versi terjemahan bahasa Melayu pula :-

KUALA LUMPUR, August 2, 2005 (IslamOnline.net)

*Jemaah Islah Malaysia (JIM) menyambut baik projek Islam Hadhari yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Abdullah Badawi dengan menekankan bahawa mereka menerima pada dasarnya sebagai suatu teori. Namun segala-galanya masih bergantung kepada cara atau praktikal pelaksanaannya. JIM – yang mewakili aliran pemikiran Islam yang memberi penekanan kepada aktiviti sosial dan kebajikan masyarakat tanpa terlibat dengan aktiviti politik-mencadangkan supaya di adakan **satu** dialog terbuka tentang projek **tersebut** dengan melibatkan para ulamak dan para pemikir umah.*

Melihat kepada fungsi nahuan fonem (أَل) dan pengaruhnya dalam wacana bahasa Arab seperti yang telah di jelaskan tadi, kita dapati ia perlu diberi perhatian serius dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di alam Melayu ini, terutama ketika menterjemah teks Melayu ke dalam bahasa Arab ataupun sebaliknya. Kita mungkin mengatakan bahawa aplikasi fungsi nahuan fonem ini dalam proses terjemahan teks Arab ke dalam bahasa Melayu adalah lebih mudah daripada sebaliknya. Namun penulis dapati –dalam proses pengajaran kemahiran menulis³- masih ramai pelajar kita yang teragak-agak ketika melakukan aplikasi fungsi nahuan fonem (أَل) dalam penulisan mereka walaupun dalam terjemahan teks Arab ke bahasa Melayu. Oleh itu kajian tentang fonem ini secara terperinci perlu dilakukan. Bagaimanapun sebelum itu, kita lihat dahulu punca-punca kekeliruan dalam aplikasi fonem tersebut dalam penulisan atau pertuturan.

2. KEKELIRUAN TENTANG FONEM (أَل)

Kekeliruan tentang fonem ini sering berlaku dari aspek fonetik, morfologi, sintaksis dan semantik. Bagaimanapun dalam proses pengajaran terjemahan, pemahaman yang tepat tentang aplikasi fonem ini dari aspek morfologi dan sintaksis amat penting untuk diberi

³ - Fakta ini penulis perolehi ketika mengajar Kursus TAEA 1158 -Kemahiran Bahasa Arab II (Menulis) di Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa & Lingusitik, Universiti Malaya, Semester II, Sesi 2004/2005.

Daalam ayat tersebut fonem (أل) yang terdapat pada perkataan (الرحمن) , (الله) dan (الرحيم) akan mengalami “pelenyapan bunyi” apabila diujar secara bersambung dengan perkataan-perkataan sebelumnya.

Perlu dinyatakan di sini bahawa kekeliruan pelajar dalam membeza antara dua fonem tersebut lebih ketara ketika mereka membaca teks yang tidak mempunyai tanda harakat, berbanding ketika mereka membaca teks petikan daripada al-Quran al-Karim. Walaupun begitu, kekeliruan aspek fonetik ini tidak memberi kesan kepada proses pengajaran terjemahan, kerana aspek ini tidak melibatkan makna kamus atau makna struktural.

2.2 Kekeliruan Dalam Aspek Morfologi

Dilihat dari sudut morfologi pula, kekeliruan pelajar lebih ketara dalam membuat pengecaman jenis-jenis fonem (أل) dan memahami fungsi makna morfologi untuk setiap jenis tersebut. Kekeliruan ini kerap berlaku ketika menterjemah sesuatu kata nama yang merujuk kepada fungsi makna “kelompok” (أل الجنسية) dan fungsi makna morfologi “relatif” (أل الموصولية) , berbanding ketika merujuk kepada fungsi makna morfologi “definit” (أل العهدية). Masalah ini boleh dianggap begitu kritikal dalam proses terjemahan dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Ini kerana setiap fungsi makna morfologi tersebut diungkap dengan cara yang berbeza dalam bahasa Melayu.

Mengikut tatabahasa Arab, untuk menyampaikan fungsi makna “kelompok”, fonem (أل) tersebut hendaklah diterjemah dengan menggunakan perkataan-perkataan

daripada golongan Kata Bilangan Kuantiti⁵ seperti; *sekalian, semua, banyak, ramai* dan sebagainya .

Contohnya :-

- i- *Seluruh* masyarakat turut bergabung.
- ii- *Rakyat* hendaklah bersatu.

Terjemahannya :-

- i-
- ii-

Dalam keadaan seperti ini, jika pelajar tidak dapat menghayati fungsi makna morfologi kata kuantiti tersebut, mereka mungkin akan menterjemahnya secara harfiah ke dalam bahasa Arab seperti berikut :-

- iii-
- iv-

Jelas kepada kita bahawa terjemahan seperti ini tidak menepati kehendak konteks wacana bahasa Arab fusha. Perlu disebut di sini bahawa, kehadiran fonem (*أل الجنسية*) untuk fungsi makna “kelompok” ini dalam wacana BA tidak begitu kerap berbanding kehadirannya untuk fungsi makna “definit” (*التعريف*) yang boleh diterjemah dengan “*ini*” atau “*itu*”. Keadaan akan lebih mengelirukan lagi apabila fonem (*أل*) yang membawa fungsi makna “kelompok” ini diguna pada kata nama yang menjadi frasa subjek dalam ayat seperti dalam contoh (*الناس متحدون*). Mereka mungkin akan tertanya-tanya samada untuk menterjemah perkataan (*الناس*) tersebut dengan maksud : “seluruh manusia” atau “manusia itu”. Dalam kes seperti ini seseorang penterjemah atau pengajar hendaklah

⁵ - lihat Asmah Haji Omar, Nahu Melayu Mutakhir, edisi keempat, ms.88

mengambil kira aspek morfologi dalam terjemahannya, di samping tidak pula mengabaikan keperluan aspek sintkasis dalam susunan ayat terjemahannya itu.

Kedudukan ini boleh diperhatikan ketika menterjemah perkataan (الإنسان) dalam firman Allah s.w.t. ; (والعصر ، إن الإنسان لفي خسر) – al-Asr/1-2. Ketika mentafsir perkataan tersebut, Dr. Muhammad Hassan al-Humaisiyy ⁶ menterjemahkan fonem (أل) tersebut dengan maksud; (جنس الإنسان المكلف), iaitu ; “kelompok manusia yang mukallaaf”. Bagaimanapun terjemahan versi Melayu ayat ini berbunyi : “*Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian*” ⁷ , tanpa menyebut perkataan “semua” untuk artikel (أل الجنسية) yang terdapat pada perkataan tersebut. Ini kerana ia sudah boleh dikesan melalui konteks ayat tersebut dan ayat berikut selepasnya. Dalam konteks tersebut, apa yang ingin ditonjolkan ialah hakikat keseluruhan manusia dalam kehidupan mereka seharian itu sentiasa berdepan dengan kerugian melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh. Dalam keadaan ini, terjemahan “semua” untuk artikel tersebut tidak perlu. Kedudukan ini perlu diberi perhatian oleh seseorang penterjemah. Bagaimanapun adalah tidak salah untuk menambah perkataan “semua” dalam terjemahan ayat tersebut.

Dalam konteks fonem (أل) untuk fungsi makna “relatif” pula, ruang-ruang kekeliruan ini makin terbuka dan pelbagai. Dalam kes ini, kebiasaannya ia berpunca daripada perbezaan aspek morfologi kata relatif yang begitu ketara antara BM dan BA untuk fungsi makna tersebut. Mengikut tatabahasa Arab, fonem (أل) yang ditambah di awal sesuatu kata sifat terbitan akan membawa fungsi makna morfologi kata relatif.⁸ Status fonem (أل) dalam keadaan tersebut menyamai status morfologi Kata Relatif

⁶ - lihat Muhammad Hassan al-Humaisiyy, Tafsir Wa Bayan-Mufradaat al-Quran `Ala Mushaf al-Tajwiid'. cetkan pertama, ms.601.

⁷ - lihat : <http://quran.al-islam.com/Targama/dispTargam.asp?l=arb&t=mal&nType=1&nSora=103&nAya=2>

⁸ - lihat Abbaas Hassan, al-Nahw al-Waafiyy, Juzuk 1, ms.356-358.

Pancangan (الذي / التي) dan gugusannya yang sering diterjemahkan dengan perkataan “yang” dalam bahasa Melayu. Contohnya terjemahan fonem (أل) pada perkataan (المؤمنون) dengan perkataan “yang” yang menyamai terjemahan perkataan (الذين) selepasnya dalam firman Allah s.w.t. :-

٩ ()

Terjemahannya :-

*“Sesungguhnya beruntunlah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyu’ dalam solatnya”.*¹⁰

Dalam konteks pemakaian fonem (أل) relatif tersebut, pelajar Melayu tidak begitu peka dengan jenis golongan kata yang bersambung dengannya sama ada dari golongan kata sifat atau tidak. Sedangkan kemampuan mengenali jenis golongan kata tersebut adalah petunjuk utama kepada bentuk terjemahan yang dilakukan oleh mereka. Dalam hubungan ini, penulis berpendapat bahawa salah satu sebab kekeliruan ini adalah berpunca daripada metode penggolongan kata BA –yang diamalkan sekarang- sangat bebeza dengan metode penggolongan kata dalam BM. Dalam bahasa Arab, kebanyakan sarjana bersetuju untuk menghadkan penggolongan kata kepada tiga sahaja, iaitu ; kata nama (الاسم) kata kerja (الفعل) dan harf (الحرف). Sedangkan penggolongan kata dalam BM adalah lebih terperinci, iaitu : Kata Nama, Ganti Nama, Kata Sifat, Kata Kerja dan Kata Tugas.¹¹. Dalam konteks bahasa Arab, perbezaan terperinci antara kata nama (الاسم), kata sifat (الصفة) dan kata dasar (المصدر) tidak begitu diberi perhatian oleh pelajar. Pada pengalaman penulis, pelajar sering menganggap ketiga-tiga golongan kata tersebut adalah dari kategori yang sama iaitu kategori kata nama. Berpunca dari kekeliruan ini, pelajar sering

⁹ - surah al-Mu’minun, ayat : 1-2

¹⁰ - lihat Al-Quran dan Terjemahnya, oleh Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir al-Quran, ms.526.

¹¹ - lihat Tata Bahasa Dewan. Pada asasnya terdapat 3 aliran penggolongan kata utama yang berbeza dalam penggolongan kata bahasa Melayu, iaitu ; Za’ba, Asmah dan Nik Safiah. Penulis telah membuat kajian dalam kes ini dan telah mencadangkan supaya golongan kata bahasa Arab di asingkan kepada 8 golongan iaitu; kata kerja, kata dasar, kata sifat, kata nama, ganti nama, kata adverb, kata partikel dan kata eksklamasi..

melakukan kesilapan aplikasi fonem (أل) apabila merujuk kepada fungsi makna relatif seperti yang terdapat pada perkataan “yang” dalam petikan di bawah ini :-

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Bajet 2006 **yang** akan dibentangkan di Parlimen petang esok oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menyediakan pelan tahunan terperinci ekonomi dan pembangunan negara untuk rakyat bagi berdepan dengan cabaran global semasa.

Bajet ini juga dilihat penting bagi menyediakan asas **yang** kukuh kepada negara dalam meneruskan rancangan pembangunan lima tahun seterusnya iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sekali gus merealisasikan Wawasan 2020.¹²

Dalam konteks wacana BA, perkataan “yang” dalam kedua-dua rangkap di atas perlu diterjemahkan dalam dua bentuk ujaran yang berbeza. Dalam rangkap pertama ia perlu diterjemahkan dengan kata relatif (التي) kerana frasa keterangan selepasnya adalah ayat kerjaan (الجملة الفعلية) dan bukannya kata sifat. Selain itu kata nama “bajet” yang berada sebelumnya pula adalah frasa subjek definit. Dalam kedudukan tersebut keseluruhan ayat boleh diterjemah begini :-

... 2006

Manakala kata relatif “yang” dalam rangkap kedua pula perlu diterjemahkan dengan artikel (أل) kerana frasa keterangan selepasnya adalah dari golongan kata sifat dan bukannya ayat. Dalam konteks ini, kata relatif tersebut boleh diterjemahkan begini:-

Selain dari itu, pelajar juga perlu peka bahawa kata relatif “yang” adakalanya diterjemahkan dengan morfem (من) atau (ما). Kedua-dua morfem ini selalunya dipakai

¹² - dipetik dari Utusan Online, Muka Depan, tajuk berita : “Rakyat Perlu Besikap Realistik Terima Bajet 2006”, tulisan Mowardi Mahmud

ketika merujuk kepada makna morfologi kata relatif yang tidak memerlukan kepada pengkhususan aspek gender (jantina) dan jumlah bilangan individu atau sesuatu benda yang dirujuk. Perhatikan kedudukan konteks kata relatif “yang” (berhuruf tebal) dalam petikan ini :-

RAMADAN menjelang kembali dan umat Islam di seluruh pelosok dunia sudah pasti akan menyambutnya dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Tidak kurang pula, ada sebahagian umat Islam **yang** mengeluh dan merungut, kehadiran Ramadan yang menuntut setiap Muslim melaksanakan kewajipan berpuasa yang dianggapnya sebagai satu beban.¹³

Terjemahan tepat untuk kata relatif tersebut berbunyi begini :-

...

Dalam keadaan ini, seseorang penterjemah perlu peka dengan kepelbagaian bentuk kata relatif dalam bahasa Arab dan benar-benar memahami konteks gunaannya.

Berbalik kepada fonem definit (أَل العهدية) pula, kekeliruan penterjemah tentang kaedah gunaannya tidaklah begitu ketara. Ia menyamai kata tunjuk “ini” atau “itu” dalam bahasa Melayu. Cuma apa yang perlu disedari ialah fonem ini selalunya dipakai pada sesuatu kata nama definit yang sering merujuk kepada salah satu daripada tiga keadaan, iaitu :-

- i- Ketika merujuk kepada sesuatu benda yang hadir di hadapan penutur dan pendengar atau kepada suatu tempoh masa terkini. Contohnya ; “*Awak mesti dapatkan buku **ini** pada hari **ini** juga*”.

¹³ - Engku Ahmad Engku Alwi, Persediaan Jasmani Rohani Menyambut Ramadhan, Utusan Online (Bicara Agama), 6 Oktober 2005, http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2005&dt=1006&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm

- ii- Ketika merujuk kepada sesuatu benda yang tidak hadir di hadapan penutur dan pendengar tetapi sedia dimaklumi oleh kedua-dua pihak. Contohnya ; “*Awak dah baca buku itu?*”.
- iii- Ketika menyebut untuk kali yang kedua sesuatu kata nama indefinit yang telah disebut sebelumnya dalam wacana. Contohnya ; “*Saya beli sebuah buku. Setelah membaca isi kandungannya saya dapati buku itu sungguh bernilai*”.

Dalam ketiga-tiga contoh ayat di atas, fonem (**أل**) perlu ditambah di awal kata nama “buku” dan “hari” apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Untuk melihat secara lebih dekat kedudukan ketiga-tiga keadaan fonem (**أل العهدية**) ini, sila perhatikan fungsi morfologi perkataan-perkataan yang berhuruf tebal dalam petikan di bawah :-

“Pada suatu musim Tahun Baru Cina saya mendapat peluang kerja di sebuah warung. Saya suka bekerja di **warung itu** sebab pekerjaanya tinggal di **warung itu** juga. Hampir sebulan saya bekerja di situ. Saya seronok sebab kawan-kawan sekerja saya orang Malaysia. **Malam-malam** kami bermain **gitar** sambil menyanyi tetapi, ketika inilah saya mula menghisap ganja dan minum `bir'. Di situ memang terdapat banyak pekerja yang bekerja di warung-warung yang berdekatan. Boleh dikatakan hampir ke **semua pekerja itu** tinggal di warung. Bermacam-macam kelakuan mereka. Ada yang suka main `poker' dan `pakau'. Ada yang menghisap ganja dan fit. Ada juga yang membawa **perempuan** tidur di warung itu. **Barulah kini** saya berasa sendiri saya seperti orang Melayu”¹⁴.

Dalam petikan tersebut, kesemua perkataan berhuruf tebal tersebut perlu ditambah fonem (**أل العهدية**) di awalnya apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Proses terjemahan tersebut perlu melihat kepada fungsi morfologi perkataan berkenaan dalam ayat sebagaimana dalam penjelasan berikut :-

¹⁴- lihat “ Dadah... memusnahkan diriku”, ruangan Pendidikan, utusan online, 6 Oktober 2006.
http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2005&dt=1006&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm

i- Kata nama “warung itu” dalam petikan : “*Saya suka bekerja di **warung itu***” merujuk kepada frasa keterangan “sebuah warung” yang disebut sebelumnya.

Petikan tersebut boleh diterjemah begini : " " .

Keadaan yang sama boleh dilihat sekali lagi pada rangkap “*semua **pekerja itu***” dalam ayat berikutnya.

ii- Kata nama “malam-malam” dan “gitar” dalam petikan : “*Malam-malam kami bermain **gitar** sambil menyanyi*”, adalah merujuk kepada konsep “masa” dan “benda” yang sedia dimaklumi oleh kita semua. Ketika penulis menceritakan pengalamannya itu, kedua-dua perkara yang disebut itu telah pun berlalu atau tiada lagi di hadapannya. Dalam keadaan tersebut fonem (أل العهدية) perlu ditambah di awal kedua-dua perkataan tersebut dalam bahasa Arab. Lihat terjemahan ini : " " . Konsep ini juga boleh

dilihat sekali lagi pada perkataan “*perempuan*” dalam petikan seterusnya.

iii- Frasa adverba “Barulah kini” dalam petikan : “*Barulah **kini** saya berasa diri saya seperti orang Melayu*”, merujuk kepada aspek kala untuk waktu terkini ketika penulis sedang bercerita. Dalam keadaan seperti ini fonem (أل العهدية) itu perlu ditambah di awal perkataannya seperti yang dapat dilihat dalam terjemahan ini : " " .

Dari perbincangan tersebut, kita dapati bahawa kepekaan pelajar membuat pengecaman dalam membezakan antara ketiga-tiga fungsi morfologi fonem (أل) tersebut amat mustahak untuk membantu mereka menggunakannya dengan tepat dalam penulisan

atau terjemahan mereka. Penjelasan lanjut tentang tentang kategori fonem (أل) ini akan dibuat dalam ceraiian tiga nanti.

2.3 Kekeliruan Dalam Aspek Sintaksis.

Dalam aspek ini, kekeliruan pelajar ketika menggunakan fonem (أل) begitu ketara pada tempat-tempat berikut :-

- i- Penambahan fonem (أل) di awal frasa sifat penerang (النعته) kepada sesuatu kata nama definit (الاسم المعرفة) sebelumnya.
- ii- Penambahan fonem (أل) di awal frasa sifat penerang yang membawa fungsi nahuan kata nama definit sebelumnya yang telah digugurkan.
- iii- Penambahan fonem (أل) di awal frasa sifat penerang kepada kata nama yang diselangi oleh kata sandaran definit (المضاف إليه المعرفة) antara kedua-duanya.
- iv- Penambahan fonem (أل) di awal sesuatu kata nama yang sudah definit.

Dalam kes pertama, iaitu : **“Penambahan fonem (أل) di awal frasa sifat penerang (النعته) kepada sesuatu kata nama definit (الاسم المعرفة) sebelumnya”**, penulis dapati kekeliruan tersebut sering berlaku berpunca dari dua sebab utama, iaitu samada tidak memahami kaedah tatabahasa Arab dalam menggunakan kata sifat (الوصف) sebagai frasa keterangan sifat (النعته) ataupun kerana kecuaiian dalam membuat pengamatan aplikasi kaedah tersebut. Di sini penulis berpendapat bahawa keupayaan dan kecekapan penterjemah menguasai rumus tatabahasa tersebut dalam dua bahasa terlibat adalah

mustahak. Perhatikan kesalahan pemakaian kata sifat bergaris dalam contoh-contoh di bawah¹⁵ :-

| | |
|-------|--------|
| _____ | ... -1 |
| _____ | -2 |
| _____ | -3 |

Berdasarkan kepada konteks ayat, perkataan (ثلاثة), (جميلة), (جديدة) dan (لذيذة) dalam contoh-contoh tersebut perlu ditambah fonem (أل الموصولية) di awalnya kerana ia berfungsi sebagai frasa sifat penerang kepada kata nama (الساعة), (الملابس) dan (الأطعمة) sebelumnya. Kesalahan seperti ini adalah serius mengikut tatabahasa Arab, kerana setiap frasa sifat keterangan (النعت) perlu bertepatan rumusnya (أحكام المطابقة) dengan kata nama sebelumnya dari segi bilangan (العدد), jantina (الجنس), ketentuan (التعيين) dan tanda kasus (الإعراب). Perlu disebut juga bahawa penggunaan kata nama (ثلاثة) pada posisi frasa sifat penerang kepada kata nama (الساعة) dalam contoh pertama di atas adalah tidak tepat. Ia sepatutnya diubah kepada bentuk kata sifat (ثالثة) dalam ujaran (في الساعة الثالثة مساءً). Kesalahan-kesalahan aspek lain dalam contoh-contoh di atas tidak disentuh di sini kerana tidak termasuk dalam perbincangan ini.

Selain itu perlu ditegaskan sekali lagi bahawa kekeliruan ini juga sering berpunca daripada kegagalan pelajar membuat padanan penggolongan kata yang tepat ketika melakukan terjemahan, terutama dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Fakta ini benar kerana tidak semua frasa sifat penerang (frasa adjektif) itu dibentuk daripada kata sifat. Kerpakali juga kata kerja (الفعل) atau ayat kerjaan (الجملة الفعلية) atau ayat namaan (الجملة الاسمية) diolah sebagai frasa adjektif kepada kata nama sebelumnya. Berdasarkan

¹⁵ - Contoh-contoh di atas diambil daripada kertas jawapan peperiksaan calon (No. Matrik : IEB000156) untuk kursus TAEA 2331: Bahasa Arab Peringkat II, Ijazah Sarjana Muda Bahasa & Linguistik, sesi 2002/2003.

kepada pengalaman penulis ¹⁶, sebahagian besar pelajar Melayu tidak dapat memahami dan menguasai dengan baik fungsi nahuan *ayat kerjaan* atau *ayat namaan* yang hadir sebagai frasa sifat penerang dalam penulisan mereka. Untuk melihat ruang-ruang kekeliruan tersebut, perhatikan kesemua frasa sifat (berhuruf condong) dalam petikan ini :-

KENALI DENGGI¹⁷

Apa itu penyakit denggi?

Denggi merupakan sejenis penyakit *berjangkit yang disebabkan* oleh virus bawaan nyamuk aedes.

Apakah tindakan yang perlu dilakukan?

Mengamalkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan untuk mengelakkan gigitan nyamuk aedes.

Dalam contoh di atas, perkataan “*berjangkit*” dan “*disebabkan*” adalah bukan daripada golongan kata sifat dalam bahasa Melayu, tetapi berfungsi sebagai frasa adjektif kepada kata nama indefinit “*penyakit*” sebelumnya. Fenomena seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan bagi mereka yang baru terlibat dalam bidang terjemahan. Dalam konteks ayat BA, frasa sifat “*berjangkit*” tersebut lebih tepat diterjemah menggunakan frasa sifat perbuatan (جملة فعلية نعتية) yang tidak melibatkan penggunaan fonem (أ ل) sama sekali. Manakala frasa relatif “yang disebabkan” pula lebih sesuai diterjemahkan dengan frasa genitif (الجار ومجروره). Lihat terjemahan di bawah:-

“ ... ”

Dalam terjemahan tersebut, frasa adjektif (يتعدى) tersebut sudahpun membawa fungsi nahuan sebagai frasa keterangan sifat (جملة نعتية) kepada kata nama indefinit (مرض)

¹⁶ - Hingga kini, penulis telah terlibat dalam pengajaran bahasa Arab selama 8 tahun di Akademi Pengajian Islam Nilam Puri Kota Bharu, Kelantan dan 7 tahun di Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

¹⁷ - lihat artikel “Kenali Denggi”, Ruangan Kesihatan, Utusan Online 6 Oktober 2005 di alamat:- http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2005&dt=1002&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_03.htm

sebelumnya. Dalam konteks ayat tersebut, penggunaan frasa ini lebih tepat berbanding kata sifat biasa, iaitu; (متعدي) kerana frasa tersebut boleh menonjolkan unsur makna “pengulangan secara bertempoh” (الحدوث والتجدد) kepada berlakunya proses jangkitan tersebut. Adapun jika kata sifat biasa tersebut diguna, ia akan membawa pengertian berlakunya proses jangkitan secara berterusan ataupun setidak-tidaknya dalam satu tempoh masa yang panjang. Dalam BA, frasa adjektif kerja tersebut dikenali sebagai “ayat tambahan” (الكلام الفضلة). Berbalik kepada frasa relatif “yang disebabkan” pula, penterjemahannya menggunakan frasa genitif (بوسيلة) adalah lebih sesuai melihat kepada fungsinya sebagai pelengkap (متعلق) kepada makna kata kerja (تتعدى) sebelumnya.

Adapun perkataan “perlu” yang berada selepas kata relatif “yang” dalam contoh seterusnya adalah dari golongan kata sifat. Ia sudah pasti boleh dikenali dengan lebih mudah oleh penterjemah. Berdasarkan konteks ayat tersebut pula, ia juga berada selepas kata nama “tindakan” yang definit. Dalam kedudukan seperti ini, ia lebih tepat diterjemahkan dengan menggunakan kata sifat definit seperti di bawah :-

" ... "

Dalam terjemahan tersebut, kita dapati kata sifat (الأساسية) yang dipakai adalah terbitan daripada gabungan kata nama (أساس) dengan morfem (ي) di akhirnya. Di sini, penambahan fonem (أل) pada frasa (الأساسية) tersebut adalah perlu mengikut hukum rumus yang telah dijelaskan tadi.

Berdasarkan kepada apa yang dijelaskan tadi, pelajar perlu menguasai dengan baik konsep penggolongan kata dan bentuk-bentuk kehadiran (gaya bahasa) frasa sifat penerang

menurut kaedah tatabahasa Melayu dan Arab supaya dapat melakukan penterjemahan yang benar-benar tepat.

Dalam kes kedua, iaitu : **“Penambahan fonem (أل) di awal frasa sifat penerang (النعته) yang membawa fungsi nahuan kata nama definit sebelumnya yang telah digugurkan”** pula, kekeliruannya sering berlaku apabila kata sifat tersebut berfungsi sebagai subjek (المبتدأ) atau pelaku (الفاعل) atau pengganti pelaku (نائب الفاعل) atau objek (المفعول به) atau anjung ayat (مجرور). Bagaimanapun penambahan fonem (أل) pada kata sifat yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat tidaklah begitu mengelirukan berbanding fungsi-fungsi nahuannya yang lain, kerana kebanyakan pelajar sudah mengetahui bahawa subjek perlu hadir dalam bentuk definit (معرفة) apabila ia merujuk kepada sesuatu yang sedia dimaklumi oleh penutur dan pendengar. Bagaimanapun tidak semua pelajar peka dengan rumus ini. Perhatikan kesilapan yang terdapat pada perkataan bergaris dalam contoh ini :-

”

”

—

Dalam contoh tersebut, perkataan (ثلاثة) dalam ayat (ثلاثة في الجامعة) diujar secara indefinit dan tanpa kehadiran sebarang penanda wacana tambahan, sedangkan ia berfungsi sebagai frasa subjek (المبتدأ). Kesalahan seperti ini adalah berat dalam penulisan bahasa Arab. Ia selalunya berlaku kerana faktor kecuaiian. Buktinya jika kita lihat kepada penggunaan perkataan tersebut sebagai frasa subjek dalam ayat (ثلاثة أخرى يدرس في المدرسة) pula, ia dihadirkan bersama kata sama sifat (أخرى) sebagai frasa adjektif. Penambahan frasa ini menjadi penanda wacana yang memungkinkan sesuatu kata nama indefinit berada pada frasa subjek.

Selanjutnya, adapun penambahan fonem (أل) pada sesuatu kata sifat yang membawa fungsi nahuan selain frasa subjek pula, ia perlu dibuat jika kewujudan kata nama definit yang tidak disebut itu masih boleh dikesan oleh pendengar atau pembaca berdasarkan konteks wacananya. Contohnya kata sifat (المنافقون) dan (المنافقين) dalam firman Allah s.w.t. surah al-Munafiqun, ayat pertama:-

)

(

Maksudnya :-

*“Apabila datang kepada mu (wahai Muhammad) **orang-orang munafik itu**, mereka (pasti) berkata : “Sesungguhnya engkau adalah (benar-benar) utusan Allah”. Walhal Allah memang tahu sesungguhnya engkau itu adalah utusannya ... dan Allah bersaksi bahawa **orang-orang munafik itu** sememangnya pendusta”*

Dalam ayat di atas, kata sifat (المنافقون) berfungsi sebagai frasa pelaku (الفاعل) kepada kata kerja (جاءك) sebelumnya dan kata sifat (المنافقين) pula berfungsi sebagai frasa subjek (المبتدأ) kepada predikat (لكاذبون) selepasnya. Dalam kedudukan tersebut, kedua-dua kata sifat tersebut mendapat status definit dengan penambahan fonem (أل الموصولية) tersebut. Namun penambahan fonem (أل) tersebut adalah perlu kerana kedua-dua kata sifat tersebut –mengikut konteks asal ayat berkenaan- sebenarnya berfungsi sebagai frasa sifat penerang (النعت) kepada kata nama definit (الناس) yang tidak disebut sebelumnya. Kewujudan kata nama (الناس) dalam wacana ayat berkenaan terbukti dengan jelas apabila kedua-dua frasa sifat tersebut diterjemahkan dengan makna “*orang-orang munafik*” dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun oleh kerana kata nama definit (الناس) tersebut hanya merujuk kepada suatu konsep makna yang umum, dalam konteks wacana bahasa Arab ia perlu digugurkan (tidak disebut) daripada ayat tersebut. Konsep “makna umum” (المعنى العام) ialah makna yang boleh ditanggapi atau dicerapi oleh minda dengan mudah berdasarkan konteks ayat berkenaan.

Selain itu pengguguran tersebut didapati lebih menepati keperluan wacana yang bertujuan menonjolkan unsur “penghinaan” atau “celaan” kepada kelompok manusia yang suka berpura-pura seperti itu. Dari aspek semantik, pengguguran tersebut sebenarnya telah menjadikan pemikiran pembaca lebih terarah secara langsung kepada sifat-sifat orang munafik tersebut berbanding aspek fizikal mereka. Olahan gaya bahasa seperti ini sudah tentu memberi kesan yang mendalam kepada pendengar atau pembaca dalam menghayati mesej yang ingin disampaikan. Dalam kedudukan seperti ini, penambahan fonem (أَل) pada kedua-dua frasa tersebut amat perlu. Tanpa kehadiran fonem (أَل) tersebut pembaca akan tertanya-tanya siapakah rujukan kedua-dua frasa adjektif tersebut. Apabila sesuatu wacana tidak dapat menyampaikan mesej yang jelas ia dianggap cacat dan apa-apa proses penterjemahan yang berasaskan wacana tersebut dikira gagal.

Seterusnya, dalam kes ketiga, iaitu : **Penambahan fonem (أَل) di awal frasa sifat penerang kepada kata nama yang diselangi oleh kata sandaran definit (المضاف إليه) (الحضاري) (الإسلامية) dan (المعرفة)**. Fenomena ini boleh kita lihat dengan jelas pada perkataan (الحضاري) dan (الإسلامية) dalam contoh petikan ini :-

2005-8-2 / . - -
"JIM"

18
..

Dalam petikan tersebut, fonem (أَل) telah di tambah di awal perkataan (الإسلامية) dan perkataan (الحضاري) yang menjadi frasa sifat penerang kepada kata nama (جماعة) dan kata

¹⁸ - Ibid

nama (مشروع) sebelumnya. Dalam kedudukan seperti ini pelajar sering tertipu dengan bentuk zahir kedua-dua kata nama (جماعة) dan (مشروع) yang kelihatan seolah-olah definit. Sedangkan tatabahasa Arab telah menentukan bahawa sesuatu kata nama indefinit apabila disandar kepada kata nama sandaran definit selepasnya, statusnya akan berubah kepada status kata nama definit¹⁹. Dengan ini kedua-dua kata nama (جماعة) dan (مشروع) dalam petikan tersebut sebenarnya adalah definit. Oleh sebab itu frasa sifat penerang untuk kedua-duanya mesti ditambah dengan fonem (أل). Pelajar yang tidak memahami rumus ini betul-betul akan sering tetipu dan keliru tentang penambahan fonem (أل) tersebut dalam penulisan atau terjemahan mereka. Sila perhatikan kesalahan aplikasi frasa sifat penerang pada perkataan bergaris dalam contoh ini :-

«20

»

Sila tumpukan perhatian anda pada penggunaan kata relatif (التي) yang tidak perlu hadir sama sekali sebagai frasa sifat penerang kepada kata nama (زوجته) sebelumnya. Ini kerana frasa keterangan selepas itu bukannya dalam bentuk ayat (الجملة) atau separa ayat (شبه الجملة) yang memerlukan kepada kata relatif pancangan (الموصول) tersebut, bahkan dalam bentuk kata sifat (ماهرة) . Untuk memenuhi keperluan fungsi nahuan relatif tersebut ia hanya memadai ditambah fonem (أل) di awalnya supaya bertepatan dengan hukum rumus kata nama (زوجته) sebelumnya.

Selanjutnya, dalam kes keempat, iaitu : **“Penambahan fonem (أل) di awal sesuatu kata nama yang sudah berstatus definit”** adalah kekeliruan yang paling kerap

¹⁹ - lihat Mohd Rosdi bin Ismail, Sintaksis Bahasa Arab Mikro, ms.48-49.

²⁰ - Contoh ini diambil daripada kertas jawapan peperiksaan calon (No. Matrik : IEB000193) untuk kursus TAEA 2331: Bahasa Arab Peringkat II, Ijazah Sarjana Muda Bahasa & Linguistik, sesi 2002/2003.

ditemui dalam tulisan atau terjemahan ke dalam bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu di Malaysia. Perhatikan bentuk-bentuk kekeliruan tersebut dalam contoh-contoh ini²¹ :-

- _____ ... -1
- _____ -2
- _____ -3
- _____ -4

Dalam contoh pertama, kata nama (الجامعة) tidak perlu ditambah fonem (أل) kerana ia sudah berstatus definit dengan kedudukannya sebagai kata sandar (المضاف) kepada kata nama khas (مالا يا) selepasnya. Begitu juga perkataan (ماليزيا) dalam contoh kedua dan keempat adalah nama khas yang tidak memerlukan penambahan fonem (أل) sama sekali. Dalam contoh ketiga, fonem (أل) pada perkataan (البيت) adalah tidak perlu kerana kata nama tersebut merupakan kata sandar kepada nama khas (فاطمة) selepasnya. Dalam contoh keempat pula, perkataan (أسرة) sudahpun disandar kepada ganti nama (نا) yang memberinya status definit. Oleh itu fonem (أل) di awalnya adalah tidak perlu. Kekeliruan seperti ini boleh diatasi dengan mudah apabila pelajar memahami kedudukan dan tahap-tahap status “ketentuan” (التعيين) sesuatu kata nama dalam bahasa Arab dengan jelas. Penulis tidak berhasrat untuk membuat penditilan tentang status ketentuan ini di sini kerana ia boleh dirujuk dengan mudah dalam kitab-kitab nahu muktabar.

Selain dari itu, kekeliruan pelajar dalam kes ini akan lebih ketara lagi apabila proses terjemahan itu melibatkan penggunaan “Kata Dasar Tiruan” (المصدر الصناعي), iaitu yang diterbitkan daripada sesuatu kata nama yang ditambah morfem (يَّة) di akhirnya seperti ; ديموقراطية , رأسمالية , شيوعية dan seumpamanya. Kenyataan ini dibuat kerana

²¹ - Ibid

kebanyakan pelajar Melayu masih keliru antara fungsi morfologi Kata Dasar Tiruan dan fungsi Kata Sifat Nisbah (الوصف المنسوب) . Perhatikan perbezaan yang terdapat dalam tiga contoh ini :-

- . -1
- . -2
- . -3

Dalam contoh pertama, perkataan (الديمقراطية) diungkap dengan fungsi morfologi asal, iaitu sebagai Kata Dasar Tiruan yang berada pada status yang sama dengan kata nama definit. Fungsi morfologi ini masih kekal dalam contoh kedua, namun fungsi nahuannya telah berubah sebagai frasa keterangan kepada kata sandar (رؤساء) sebelumnya. Oleh sebab itu kata sandar tersebut sudah mendapat status definit dan tidak perlu ditambah fonem (أل) di awalnya. Sebaliknya dalam contoh ketiga kata dasar tersebut telah berubah sama sekali kepada kata sifat pada frasa keterangan untuk kata nama definit (المبادئ) sebelumnya. Oleh sebab itu, dalam posisi tersebut ia perlu menepati kesemua 4 rumus frasa sifat penerang supaya bersesuaian dengan kata nama definit sebelumnya. Dalam situasi begini, penanda wacana adalah garis panduan terbaik –yang perlu diambil kira oleh seseorang penterjemah- untuk menentukan kedudukan fungsi morfologi dan sintaksis sesuatu kata dasar tiruan dalam ayat sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran.

Di samping itu, perlu juga diingatkan bahawa kekeliruan sering berlaku antara “Kata Sifat Nisbah” (الوصف المنسوب) dengan “Kata Dasar Tiruan” ini. Dalam pengajian ilmu Fiqh Islam contohnya, kita sering bertemu dengan istilah (الششافة) dan (الشافة). Kebanyakan pelajar tidak begitu memberi perhatian kepada perbezaan besar antara kedua-duanya ketika membuat terjemahan, bahkan mereka sering menganggap kedua-duanya

adalah sama. Di sini pelajar perlu peka bahawa istilah (الشافعي) adalah perkataan yang dibetuk daripada dua unit bahasa, iaitu kata nama (شافعي) yang merujuk kepada Imam Syafei r.h. dan morfem (ي) yang membawa makna “penisbahan” (النسبة). Melalui gabungan tersebut, istilah ini selalunya dipakai untuk sesuatu pendapat atau kata-kata atau apa-apa yang dikaitkan dengan Imam Syafei. Sebaliknya istilah kedua pula adalah gabungan kata nama khas tersebut dan morfem (ية) yang menunjukkan perubahan makna sesuatu perkataan yang bersambung denganya daripada makna asal yang terhad kepada makna baru yang lebih luas skopnya. Dalam disiplin ilmu fiqh Islam, istilah ini sering dipakai kepada aliran pemikiran yang berlandaskan asas-asas pemikiran Imam Syafei. Dalam konteks ini ia adalah lebih luas kerana ia tidak semestinya dikaitkan dengan pandangan Imam Syafei secara langsung. Boleh jadi ia berupa ijtihad baru pengikut aliran ini yang tidak pernah disebut oleh Imam Syafei sama sekali.

Sehingga ke tahap ini, penulis melihat bahawa empat skop kekeliruan aplikasi fonem (أل) dari aspek sintaksis ini amat perlu diberi perhatian oleh pelajar dan juga pengajar dalam proses penulisan dan penterjemahan. Bagaimanapun masih banyak aspek sintaksis lain yang tidak dapat penulis sentuh dalam ruang yang terhad ini, seperti fonem : (أل الجنسية المجازية) dan (أل الجنسية الماهية). Huraian lanjut tentang kedua-duanya penulis panjangkan dalam ceraihan tiga nanti.

2.4 Kekeliruan Dalam Aspek Semantik

Kekeliruan aplikasi fonem (أل) dalam aspek ini tidak kerap berlaku kerana kebanyakan pelajar tidak menyedari kewujudan fungsi semantik ini. Hasilnya mereka tidak menggunakannya dalam penulisan atau penterjemahan. Secara ringkas, fungsi semantik fonem (أل) boleh di asingkan kepada dua bentuk makna seperti berikut :-


- i- Fonem (أل) yang ditambah pada sesuatu kata nama khas –secara sengaja- untuk menimbulkan kesan atau makna tertentu di hati penama berkenaan sama ada berunsur pujian dan kejian ataupun optimis dan pesimis. Kesan-kesan semantik ini boleh kita lihat pada nama-nama khas ini : الكامل , المتوكل , السعيد , الضحاك , الخاسر , الخليع , المحروق dan sebagainya. Dengan penambahan fonem (أل) tersebut, penama-penama berkenaan akan menyedari dan dapat merasai kesan semantik fonem tersebut apabila mereka diseru dengan nama-nama tadi. Perlu diingatkan juga bahawa kesan makna semantik ini berkait rapat dengan makna leksikal sesuatu perkataan. Berasaskan kepada makna leksikal tersebut penama yang diseru itu akan mampu membuat tafsiran terhadap makna semantik yang dimaksudkan oleh seseorang penutur.
- ii- Fonem (أل) yang dipakai pada kata nama yang menjurus kepada sesuatu benda yang telah tersohor di kalangan khlayak. Apabila kata nama definit tersebut diujar, pendengar atau pembaca akan terus memahami makna tersebut dan tidak lagi merujuknya kepada unsur makna lain yang sejenis dengannya. Fungsi makna ini boleh dilihat pada nama-nama seperti ; (المصحف) iaitu al-Quran al-Karim, (الرسول) iaitu Muhammad s.a.w., (السنة) iaitu hadis-hadis Rasulullah s.a.w., (المدينة المنورة) iaitu kota suci di negara Arab Saudi, (مجلس الأمن) iaitu majlis keselamatan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, (إمام النخاعة) iaitu Sibawaih dan lain-lain lagi.

3. KEDUDUKAN FONEM (أَل) DALAM B. ARAB.

Berdasarkan punca-punca kekeliruan yang telah dijelaskan di atas tadi, seseorang pelajar atau penterjemah perlu memahami kedudukan fonem (أَل) tersebut dalam bahasa Arab secara lebih dekat. Bagaimanapun perlu disebutkan di sini bahawa pelajar-pelajar bahasa Arab di Malaysia tidak begitu didedahkan secara mendalam tentang fonem ini. Rata-rata mereka hanya mengenali fonem ini sebagai tanda definit dalam pengertian yang begitu sempit dan terlalu gramatikal. Fungsi makna morfologi dan sintaksis fonem ini tidak difahami dengan jelas. Apa yang mereka tahu ialah jika sesuatu perkataan itu hadir bersama fonem ini, ia berstatus definit (معرفة). Sebaliknya jika ia hadir tanpa fonem tersebut, ia berstatus indefinit (نكرة). Tetapi apa yang lebih malang ialah mereka tidak memahami hakikat status ketentuan (مراتب التعيين) tersebut dan faedah gunaannya dalam konteks ayat.

Penulis telah membuat tinjauan ke atas semua tajuk-tajuk sukatan buku teks terkini tingkatan satu hingga tingkatan lima untuk pelajaran bahasa Arab yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasilnya penulis dapati kepentingan fonem (أَل) tidak diberi perhatian khusus, kecuali dalam tajuk yang begitu terhad. Persoalannya : “Bolehkah kita bertutur atau menulis dalam bahasa Arab tanpa melibatkan fonem tersebut?”. Jawapannya ; “Sudah tentu tidak”. Atas dasar ini penulis cadangkan kepada para penggubal buku teks bahasa Arab untuk tujuan pembelajaran bahasa tersebut sebagai bahasa kedua di Malaysia agar mengambil kira kepentingan fonem (أَل) ini dalam panduan sukatan mereka. Pengabaian tajuk ini dalam proses pembelajaran BA merupakan suatu perkara yang tidak patut berlaku sama sekali. Ia hendaklah didedahkan kepada pelajar diperingkat elemantari lagi.

Untuk mengatasi persoalan tersebut, berikut penulis lakarkan laluan awal ke arah pembelajaran fonem (أَل) dalam bahasa Arab:-



Gambarajah 1 : Kedudukan fonem (أل) dalam bahasa Arab.

Berdasarkan gambarajah tersebut, seseorang penterjemah perlu menguasai kesemua 12 jenis fonem (أل)²² tersebut. Berikut adalah pengenalan ringkas untuk setiap jenis fonem (أل) di atas :-

3.1 Fonem Untuk Benda Hadir (أل للعهد الحضورى)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata nama yang merujuk kepada benda yang sedia diketahui dan ada bersama penutur dan pendengar sewaktu bercakap. Contohnya : *الْيَوْمَ عَطْلَةٌ رَسْمِيَّةٌ ، لَا نَعْمَلُ فِيهَا*. Maksudnya : “*Hari ini adalah cuti rasmi. Kami tidak bekerja pada hari ini*”. Fonem (أل) pada kata nama (اليوم) dalam contoh tersebut merujuk kepada waktu terkini untuk hari tersebut ketika berlakunya ujaran. Fungsi makna ini kerap dipakai ketika merujuk kepada sesuatu benda yang ada bersama ketika berlakunya sesuatu proses komunikasi. Ia sewajarnya diberi perhatian oleh pelajar bahasa Arab.

3.2 Fonem Untuk Benda Maklum (أل للعهد العلمى)

Iaitu fonem yang di tambah pada kata nama yang merujuk kepada sesuatu yang tidak ada di hadapan penutur atau pendengar, tetapi sedia dimaklumi oleh mereka. Contohnya : *هَلْ اشْتَرَيْتَ الْجَرِيدَةَ؟*. Maksudnya : “*Awak beli akhbar tak?*”. Dalam contoh tersebut, fonem (أل) pada kata nama (الجريدة) merujuk kepada akhbar yang sedia dimaklumi oleh penutur dan pendengar dialog berkenaan. Fonem ini adalah yang paling kerap dipakai dalam proses komunikasi seharian. Dalam bahasa Melayu, ia kerap kali tidak ujar dalam proses komunikasi dalam bahasa Malaysia seperti yang kita lihat dalam terjemahan contoh di atas. Perhatikan pelenyapan fonem ini dalam contoh ini ; “*Abah ! Mintak duit*”, di mana kata nama “duit” adalah merujuk kepada

²² - untuk keterangan lanjut, lihat – Mohd Rosdi bin Ismail, Formula Bahasa Arab Mikro-Binaan Kata dan Fungsi Makna, ms./10.

konsep wang yang sedia difahami. Bagaimanapun dalam versi bahasa Arab terjemahan untuk kata nama “duit” tersebut perlu disertakan dengan fonem (أل) . Contohnya ; (يا أبتى ! أريد النقود)

3.3 Fonem Untuk Benda Yang Disebut (أل للعهد الذكري)

Iaitu fonem yang di tambah pada kata nama yang merujuk kepada kata nama indefinit yang telah disebut oleh penutur pada kali pertama dan kemudiannya diulang sebut untuk kali yang kedua. Contohnya : أَقْبَلْتُ سَيَّارَةً ، فَرَكِبْتُ السَّيَّارَةَ .
Maksudnya : “Setelah sebuah kereta tiba’ saya pun naik kereta itu”. Fonem (أل) pada perkataan (السيارة) bermaksud merujuk kepada kata nama yang sama yang telah disebut sebelumnya. Kaedah penggunaan fonem ini dalam bahasa Melayu adalah sama dengan kaedah penggunaannya dalam bahasa Arab. Ia selalunya diterjemahkan dengan Kata Tunjuk “Ini” atau “Itu”.

3.4 Fonem Jenis Mutlak (أل للجنس الكلي أو الذاتي)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata nama yang meliputi kesemua unsur sejenis yang sama untuk unit-unit makna lafaz berkenaan. Contohnya : الْإِنْسَانُ مُفَكِّرٌ . Maksudnya : “Manusia itu boleh berfikir”. Fonem ini agak sukar untuk dikesan oleh pelajar Melayu berbanding tiga jenis fonem di atas. Kaedah yang paling mudah untuk mengenalinya ialah apabila ia dipakai pada kata nama yang merujuk kepada kelompok atau jumlah keseluruhan yang mencakupi kesemua unsur-unsur makna yang “sejenis” dengannya. Ia boleh diganti dengan perkataan (كل) . Dalam contoh di atas, fonem (أل) pada kata nama (الإنسان) bermaksud menyatakan makna bahawa perkataan tersebut meliputi semua unsur-unsur manusia yang ada di dunia ini tanpa terkecuali. Untuk lebih

jelas perhatikan fungsi fonem ini dalam firman Allah, surah al-`Asr, ayat 1-2 :
(والعصر ، إن الإنسان لفي خسر) . Dalam ayat ini, fonem (أَل) pada perkataan (الإنسان) bermaksud meliputi kesemua unit-unit makna dari jenis manusia, tanpa ada sebarang pengecualian untuk sesiapa pun. Maksudnya semua manusia dalam kerugian melainkan orang yang beriman dan bermal soleh, seperti yang diterangkan oleh ayat berikutnya. Fonem ini perlu diberi perhatian serius oleh pelajar dan penterjemah

3.5 Fonem Jenis Anggapan (أَل لِلْجِنْسِ الْمَجَازِيِّ) .

Iaitu fonem yang ditambah pada kata nama yang meliputi kesemua unsur sejenis (yang sama) untuk unit-unit makna lafaz berkenaan pada anggapan penutur semata-mata. Contohnya : أَنْتَ الرَّجُلُ عِلْمًا . Maksudnya : “*Andalah lelaki yang berilmu pengetahuan*”. Dalam contoh tersebut, penutur menambah fonem (أَل) pada kata nama (الرجل) untuk merujuk kepada semua unit-unit makna yang sejenis baginya secara anggapan atau dakwaan. Fonem ini tidak kerap kita temui penggunaannya dalam penulisan dan komunikasi harian. Ia selalunya dipakai untuk menyatakan tujuan-tujuan khas seperti puji, keji, kagum, perli dan seumpamanya. Oleh itu dalam proses pembelajaran diperingkat awal aplikasi fonem ini boleh dikemudiankan berbanding empat jenis fonem sebelum ini.

3.6 Fonem Jenis Hakikat (أَل لِلْجِنْسِ الْحَقِيقِيِّ الذَّهْنِيِّ)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata nama untuk menerangkan hakikat sebenar unsur-unsur kata nama tersebut, di mana secara keseluruhan ia meliputi semua unsur-unsur yang sejenis dengannya . Contohnya : الرَّجُلُ أَقْوَى مِنَ الْمَرْأَةِ .

Maksudnya : “*Pada realitinya lelaki lebih kuat daripada wanita*”. Maksudnya; hakikat orang lelaki pada keseluruhannya adalah lebih kuat daripada orang perempuan. Dengan maksud tidak menafikan adanya orang wanita yang lebih kuat dari lelaki samada ada sedikit ataupun ramai. Fonem ini selalunya dipakai untuk tujuan deskripsi hakikat kelompok unsur-unsur kata nama tertentu. Ia juga perlu diberi perhatian oleh para penterjemah kerana perbezaanya dengan fonem (أل) Jenis Mutlak tidak begitu ketara. Bagaimanapun kita masih boleh mengesan perbezaan antara keduanya, kerana fonem ini lebih menjurus kepada deskripsi konsep dan masih mempunyai ruang-ruang pengecualian unsur maknya. Adapun fonem (أل) pada kata nama jenis mutlak lebih menjurus kepada mencakupi unit-unit tanpa sebarang kemungkinan adanya pengecualian. Contohnya sabda Nabi s.a.w. (الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ)²³ , yang bermaksud : “*Orang muslim ialah mereka yang muslim lain terselamat dari lidahnya dan tangannya*”. Berdasarkan wacana hadis ini, fonem (أل) pada perkataan (المسلم) pertama adalah “Fonem Jenis Hakikat”. Ia bermaksud menjelaskan hakikat individu muslim secara keseluruhannya dan bukannya bertujuan merujuk kepada semua unit-unit makna yang sejenis sesuatu kata nama. Oleh itu, di sana masih ada ruang-ruang pengecualian untuk mana-mana unit makna yang tidak menepati ciri sebenar seorang muslim. Manakala fonem (أل) pada perkataan (المسلمون) pula adalah “Fonem Untuk Benda Maklum”. Iaitu merujuk kepada orang-orang Islam yang sedia kita maklumi.

²³ - Teks penuh hadis ini ialah : lihat - <http://hadith.al-islam.com> . Sahih al-Bukhari, No. Hadis : 6003

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو يَقُولُ
قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ
عَنْهُ .

3.7 Fonem Sifat Pelaku (أَل لِّصِفَةِ الْفَاعِلِ)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata sifat yang diterbitkan melalui wazan (فَاعِل) atau (فَعَال) atau (فُعُول) dan gugusannya²⁴. Fonem ini selalunya ditambah diawal kata sifat terbitan tersebut apabila merujuk kepada seseorang atau sesuatu yang melakukan perbuatan secara berulang kali. Contohnya :-

- 1- "الْأَمِينُ هُوَ الْفَائِلُ بِالْحَقِّ" Maksudnya : “Orang yang amanah ialah orang selalu berkata benar”.
- 2- "النَّمَامُ قَوْلٌ سَوْءًا" , Maksudnya : “Tukang umpat ialah orang yang sangat kerap berkata jahat”.
- 3- "الْوَصُولُ أَهْلُهُ هُوَ الْبَارُّ" , Maksudnya : “Orang yang baik itu ialah orang yang sangat kerap berhubung dengan keluarganya”.

Apa yang penting di sini ialah, seseorang pelajar atau penterjemah perlu menghayati peranan sesuatu kata sifat pelaku dalam wacana bahasa asal dan membuat penyesuaian yang paling hampir dalam bahasa sasaran ketika memilih golongan kata yang paling sesuai untuk situasi tersebut.

3.8 Fonem Sifat Objek (أَل لِّصِفَةِ الْمَفْعُولِ)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata sifat yang diterbitkan melalui wazan (مَفْعُول) . Fonem ini selalunya ditambah di awal kata sifat terbitan tersebut apabila merujuk kepada seseorang atau sesuatu yang dilakukan secara berulang kali. Contohnya : أَنْتَ الْمَسْئُولُ. Maksudnya : “Andalah orang yang dipertanggungjawabkan”. Fonem (أَل) pada perkataan (الْمَسْئُولِ) dalam contoh

²⁴ - Penulis telah membuat huraian lanjut tentang kata sifat dalam buku “Formula Bahasa Arab Mikro-Binaan Kata dan Fungsi Makna”, Arabic Language & Consultancy, 2003. Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

terbsebut merujuk kepada seseorang yang telah dipertanggungjawabkan dengan sesuatu tugas dalam tempoh yang lebih daripada sekali.

Dari sini kita dapat katakan bahawa, makna morfologi kata sifat objek adalah bertentangan dengan makna morfologi kata sifat pelaku, kerana kata sifat pelaku merujuk kepada pembuat manakala kata sifat objek pula merujuk kepada apa yang dibuat. Pertentangan makna ini boleh di kesan dalam firman Allah s.w.t., surah al-Fatihah, ayat 7 : (**غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ**) pada perkataan (**الضالين**) yang merujuk kepada mereka yang melakukan kesesatan dan (**المغضوب**) yang merujuk kepada mereka yang dimarahi oleh Allah s.w.t. Walau apapun, pertentangan ini bukanlah sesuatu yang sukar untuk difahami oleh pelajar Melayu jika mereka menterjemah dari BA ke BM. Namun mereka sering terlupa fungsi makna morfologi kedua-dua bentuk kata sifat tersebut apabila mereka menterjemah dari BM ke BA.

3.9 Fonem Sifat Tabii (**أل للصفة المشبهة**)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata sifat yang terbitkan melalui wazan (**فَعِيل**)²⁵ dan gugusannya dalam kategori Kata Sifat Tabii. Ia selalunya ditambah di awal kata sifat yang merujuk kepada tabiat atau ciri semulajadi yang berkekalan ataupun mengambil masa yang lama pada seseorang atau sesuatu benda. Contohnya : **الرَّجُلُ الْكَرِيمُ لَا يَخُونُ غَيْرَهُ** . Maksudnya : “*Lelaki yang mulia tidak mengkhianati orang lain*”. Dalam contoh tersebut, perkataan (**الكريم**) tersebut merujuk kepada ciri mulia yang sentiasa ada pada lelaki tersebut. Dalam konteks ayat tersebut, fonem (**أل**) berada di awal kata sifat tersebut

²⁵ - Sebenarnya KS Tabii mempunyai lebih 50 bentuk kata / acuan kata yang diguna untuk menerbitkannya daripada kata kerja atau kata dasar.

menyamai fungsi kata relatif pancangan (الذي). Perlu diingatkan sekali lagi bahawa di bawah kategori kata sifat, pelajar perlu berhati-hati apabila menterjemah dengan menggunakan kata sifat definit, iaitu sama ada ia didahului oleh kata nama ataupun tidak²⁶.

3.10 Fonem Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)

Iaitu fonem yang di tambah pada kata nama khas secara kekal dan tidak boleh dibuang sampai bila-bila. Contohnya pada perkataan : السموع , اليسع , اللات dan sebagainya. Fonem (أل) jenis ini tidak mempengaruhi aspek makna. Terjemahan perkataan yang bersambung dengannya berlaku secara harfiah.

3.11 Fonem Tambahan Sengaja (أل الزائدة العارضة الاضطرارية)

Iaitu fonem yang ditambah secara sengaja (bukan kerana sebab-sebab linguistik), tetapi untuk memenuhi keperluan rima syair atau puisi. Contohnya penamabahan fonem (أل) pada perkataan (الأوبر) dalam bait syair :-

#

3.12 Fonem Tambahan Pilihan (أل الزائدة العرضة الاختيارية)

Iaitu fonem yang ditambah pada kata nama khas yang diambil daripada kata dasar (المصدر) atau kata terbitan (المشتقات) secara pilihan, untuk merujuk kepada makna asal perkataan berkenaan untuk tujuan *pujian* atau *kejian* atau *harapan* atau *sindiran* di samping fungsi morfologinya. Contohnya boleh dilihat pada nama-nama seperti : العادل ، الحسن ، المنصور ، الحسين : dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan di atas tadi. Dalam terjemahan Melayu ia selalunya diungkap

²⁶ -lihat ceraiian 2.3 – kes dua.

dengan kata gelaran “Si”, seperti : Si Cerdik, Si Gemuk, Si Bongkok dan sebagainya.

Melihat kepada kepelbagaian fungsi fonem (ﺍﻝ) dalam huraian di atas, penulis berpendapat bahawa adalah mustahil seseorang itu boleh melakukan aplikasi fonem tersebut secara betul dan tepat jika dia tidak menghayati kesemua jenis-jenisnya secara teliti.

4. PENUTUP

Daripada perbincangan singkat ini, penulis dapati aplikasi fonem (ﺍﻝ) dalam pengajaran terjemahan Melayu – Arab begitu penting untuk diberi perhatian oleh mereka yang terlibat dalam bidang ini. Proses aplikasi tersebut perlu mengambil kira aspek morfologi, sintaksis dan juga semantik. Kecuaian mematuhi kaedah tatabahasa dan pengabaian disiplin pengamalannya sudah pasti akan mencatitkan hasil terjemahan yang dipersembahkan. Ini sudah tentu membawa kepada kekeliruan dalam memahami maksud asal sesuatu yang diterjemah itu. Oleh sebab itu penulis sentiasa bersedia untuk berbincang dengan sesiapa sahaja yang memerlukan panduan dan penambahbaikan dalam kes ini. Penulis juga berharap semoga penjelasan-penjelasan di atas dapat didedahkan kepada pelajar bahasa Arab semasa di peringkat awal lagi, terutama ketika pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia ini. Sekian.

Rujukan :-

al-Quran al-Karim

_____, (2005), "***Dadah memusnahkan diriku***", Kuala Lumpur, www.utusan.com.my

_____, (2005), "***Kenali Denggi***", Kuala Lumpur, www.utusan.com.my

_____, "***Sahih al-Bukhari-Hadis No:6003***", <http://hadith.al-islam.com>

_____, (2002/2003), "***Skrip Jawapan Calon IEB000156, Kursus TAEA 2331: Bahasa Arab Peringkat II***", Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

_____, (2002/2003), "***Skrip Jawapan Calon IEB000193, Kursus TAEA 2331: Bahasa Arab Peringkat II***", Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

`Abbas Hassan, (Cetakan kelima), "***al-Nahw al-Wafiy***", Juzuk Pertama, Mesir, Dar al-Ma`arif.

Asmah Haji Omar, 1993M, (Edisi Keempat), "***Nahu Melayu Mutakhir***", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

Engku Ahmad Engku Alwi, (2005), "***Persediaan Jasmani Rohani Menyambut Ramadhan***", Kuala Lumpur, www.utusan.com.my

Hossam Tammam, 2005M, "***JIM Welcome Islam Hadhari, Urges Debat***", Kuala Lumpur, www.islamonline.net.

<http://quran.al-islam.com>

Muhammad Hassan al-Humaisiyy, (Cetakan pertama), "***Tafsir Wa Bayan-Mufradat `ala Mushaf al-Tajwid***", Jordan.

Mohd Rosdi bin Ismail, (2003), "***Formula Bahasa Arab Mikro-Binaan Kata & Fungsi Makna***", Nilam Puri, Arabic Language & Consultancy.

Mohd Rosdi bin Ismail, (2002), "***Sintaksis Bahasa Arab Mikro***", Nilam Puri, Arabic Language & Consultancy.

Mowardi Mahmud, (2005), "***Rakyat Perlu Bersikap Realistik Terima Bajet 2006***", Kuala Lumpur, www.utusan.com.my

Nik Safiah Karim dan rakan-rakan, (1994), "***Tatabahasa Dewan-Edisi Baharu***", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir al-Quran, "***al-Qur`an Dan Terjemahannya***", Madinah Munawwarah, Majma' Khadim al-Haramain al-Syarifain al-Malik Fahd Li Thiba`at al-Mush-haf al-Syarif.